

02 OCT 1996

Downer

DOWNER BERUCAP PADA KONVENSYEN KL

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 2 Okt (Bernama) -- Beberapa ahli politik Australia diketuai Menteri Luar Alexander Downer akan berada di Kuala Lumpur untuk berucap pada Konvensyen Alumni Universiti Australia Malaysia dari 18 Okt hingga 20 Okt.

Konvensyen itu, yang bertemakan "Hubungan Malaysia-Australia Selepas Tahun 2000", dianjurkan oleh Yayasan Malaysia-Australia (MAF) dengan kerjasama Persatuan Alumni Universiti Australia Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat pada jamuan malam yang dianjurkan oleh MAF di Hotel Legend pada 18 Okt.

Downer akan menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Satu era baru dalam hubungan Malaysia-Australia" pada 19 Okt selepas ucapan oleh pengerusi MAF dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Ketua Menteri Victoria, Jeff Kennett akan berucap pada jamuan tengah hari pada 19 Okt diikuti pada sebelah petang oleh Laurie Brereton, yang merupakan Menteri Pengangkutan dalam Kerajaan Buruh Keating yang bertanggungjawab membenarkan Penerbangan Malaysia menambah penerbangannya ke Australia.

Penceramah lain dari Australia ialah Menteri Pendidikan Senator Amanda Vanstone Prof Ross Garnaut dari Universiti Kebangsaan Australia; Prof Malcolm Logan, naib cancellor Universiti Monash; Paul McClintock, presiden kebangsaan Majlis Perniagaan Australia-Malaysia; Dr John Stocker, pengarah penyelidikan dan inovasi Pratt Industries, dan Prof Fay Gale, naib cancellor Universiti Australia Barat.

Antara penceramah Malaysia ialah Datuk Dr Kamal Salih, Datuk Lee Yee Cheong, Datuk A Kadir Jasin, Mike Krishna, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, Ananda Krishnan, Datuk Effendi Norwawi, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman dan Tan Lei Cheng.

Kira-kira 250 pegawai universiti dan alumni dari Australia serta 750 alumni Malaysia dijangka menghadiri konvensyen itu yang akan memberi peluang kepada para peserta untuk membincangkan kerjasama Malaysia-Australia dalam perdagangan, perniagaan, perkhidmatan profesional dan pendidikan. -- BERNAMA

NDC AKD